

Mekmulung



PENGENALAN

Mekmulung merupakan suatu adunan kesenian yang telah digabungkan dalam satu persembahan. Ianya terdiri daripada unsur-unsur lakonan, nyanyian, tarian dan muzik. Meskipun seimbias lalu persembahannya kelihatan begitu mudah, tapi ia tetap mempunyai keunikan yang tinggi nilainya.

ASAL-USUL

Mekmulung, teater tradisional yang di persembahkan dalam bentuk nyanyian serta iringan muzik yang berasal dari mukim Wang Tepus, Jitra, Kedah Darul Aman.

Nama mekmulung berasal daripada perkataan 'mek' iaitu panggilan pada gadis-gadis, sementara perkataan 'mulung' pula ialah nama hutan tempat bermulanya persembahan ini. Mengikut ceritanya, suatu masa dahulu Raja

Ligor mempunyai seorang puteri yang baru dilahirkan. Bagaimanapun nujum yang menelah akan masa hadapan puterinya menasihati raja supaya membuang puteri itu kerana dipercayai akan membawa malang dan keburukan pada raja serta seluruh Negara. Raja memerintahkan supaya puterinya dibuang jauh dari istana. Beberapa inang pengasuh menawarkan diri untuk menemani puteri tersebut. Mereka dibawa jauh ke dalam hutan, kemudiannya ditinggalkan untuk hidup sendiri. Puteri itu asyik menangis dan dayang-dayang cuba seberapa daya memujuk puteri itu agar jangan menangis, tetapi gagal. Akhirnya mereka membuat sebuah gendang lalu dipalukan. Siputeri, lantas berhenti menangis apabila mendengar bunyi pukulan gendang itu.

Pada masa-masa berikutnya, apabila sahaja si puteri menangis, dayang-dayang mulalah memukul gendang yang di buat. Lama-kelamaan mereka bukanlah memalu gendang semata-mata, tetapi bunyi-bunyian itu diiringi pula dengan cerita dan tarian oleh dayang-dayang. Akhirnya cerita yang di bawa mereka disebut nyanyian mekmulung, atau lakon mekmulung.

Apabila si puteri dewasa, semua lagu, cerita dan tarian yang di persembahkan padanya itu menjadi kegemarannya. Kemudian si puteri sendiri mengetuai persembahan tersebut. Mereka mula jalan dari desa ke desa, keluar dari tempat pembuangan dan sampai ke negeri Kedah. Namun riwayat puteri ini seterusnya tidaklah di ketehui.

Mekmulung tersebar di kampung Paya Kulubi, kemudian ke Perik. Malangnya, sambutan masyarakat di Perik terhadap persembahan ini tidak menggalakkan. Kemudian, mekmulung di bawa pula ke Wang Tepus, dan mendapat perhatian penduduk seluruhnya. Kini, mekmulung merupakan satu permainan tradisi yang dipersembahkan setiap tahun di Wang Tepus.

Dikatakan juga mekmulung ini berasal dari Legor, Siam kemudian di perkenalkan di Kedah ketika berlaku persengketaan Kedah-Siam. Tempat mula-mula ianya diperkenalkan ialah di Kampung Perit. Mukim Kurung Itam, Jajahan Kuala Nerang. Seterusnya permainan ini berkembang ke Kampung Belukar Mulung, Kampung Paya Keladi dan akhirnya di Kampung Wang Tepus, Jitra Kedah.

PERSEMBAHAN

Mekmulung dipersembahkan di dalam sebuah bangsal yang terbuka, pemain duduk dikelilingi oleh penonton. Bangsal itu tidak berlantai, dan tidak berding. Ia terdiri daripada tiang, bumbung dan para sahaja. Para mestilah didirikan menghadap ke timur iaitu hala matahari naik. Di atas para inilah diletakkan semua peralatan 'jamu'. Di tengah-tengah bangsal dihamparkan tikar sebagai lapik duduk.


Pelakon mekmulung kesemuanya lelaki yang memakai pakaian perempuan. Dalam persembahan mekmulung, terdapat watak utama raja yang disebut sebagai Pak Mulung, manakala puteri pula disebut sebagai Mek Mulung. Puterinya selalu diiringi oleh inang pengasuh. Watak Awang Pengasuh juga bertindak sebagai bomoh. Musuh-musuh kepada raja atau Pak Mulung terdiri daripada Raja Gergasi atau raja daripada negeri lain yang iri hati kepada Pak Mulung.



Bangsal Mekmulung

Persambahan mekmulung diiringi oleh ahli-ahli muzik yang turut menyanyi sebagai suara latar. Mereka juga menyahut seruan yang diucapkan oleh pelakon tertentu. Adalah dipercayai, kiranya seseorang pelakon itu menyeru sesuatu dan tidak dijawab atau disambut oleh orang-orang lain yang turut bermain itu, maka persembahan itu akan 'mati maklat'. Mati maklat itu bermaksud persembahan itu tidak dapat diteruskan kerana 'terganggu' oleh hantu dan jin.

Persembahan mekmulung dimulai dengan lagu pengenalan yang disebut 'bertabuh' yang terdiri daripada tiupan serunai dan diikuti pula dengan alat-alat muzik lain. Ia dianggap sebagai penghormatan kepada penonton sambil menarik perhatian penonton terhadap permainan seterusnya. Bertabuh juga bertujuan meletakkan pemain-pemain dalam 'angin', supaya mereka dapat bermain dengan baik. Acara bertabuh ini selama lebih kurang 5 hingga 10 minit. Selepas bertabuh, diikuti pula dengan nyanyian bertabik. Tarian dimulakan sebaik sahaja selesainya lagu bertabik. Setiap gerak tari diiringi muzik. Penari memulakan tarian ketika duduk di lantai dengan cara membuka sembah, kemudian berdiri dan terus melangkah membentuk sebuah bulatan. Tarian diakhiri dengan susunan duduk sambil menyembah. Tujuh jenis tarian dipersembahkan iaitu tarian sembah, tarian gambang, tarian puteri mabuk, tarian menora, tarian sirama, tarian puteri masuk bilik air dan tarian sedayung.



Permulaan Tarian



Penari membentuk sebuah bulatan untuk memulakan persembahan

Setelah tamat satu babak, pencerita akan memulakan hikayatnya. Peranan pencerita ini dilakukan oleh Pak Mulung. Semua pertukaran adegan atau perpindahan suasana dalam cerita akan dilakukan dengan cara nyanyian beramai-ramai. Nyanyian ini disertai dengan pantun.

PERSEDIAAN SEBELUM PERSEMBAHAN

Sebelum sesuatu persembahan dijalankan, diadakan dulu upacara buka panggung. Upacara ini bertujuan agar para pemain dan keseluruhan persembahan berjalan dengan selamat tanpa sebarang gangguan.

Bahan-bahan yang digunakan dalam upacara ini ialah sirih pinang, kemenyan dan minyak kelapa. Sirih dijampi dan digunakan memperasapi segala jenis alat muzik sementara minyak kelapa pula disapukan pada gendang. Setelah diperasap, alat-alat muzik ini tidak boleh dilangkah.

Upacara buka panggung ini dilakukan pada tiap-tiap kali mengadakan persembahan. Biasanya upacara buka gelanggang dilakukan di rumah sebelum permainan dimulakan.




Upacara buka gelanggang

SEMBAH GURU

Selain daripada upacara buka panggung pada setiap kali sebelum persembahan, satu lagi upacara yang penting di dalam teater mekmulung ialah upacara sembah guru. Acara ini lebih besar daripada acara buka panggung dan diadakan sekali dalam setahun.

Upacara sembah guru yang berlangsung selama tiga malam ini adalah upacara tahunan yang mesti diadakan. Kalau tidak kemungkinan para ahli mekmulung akan ditimpa bencana, terutamanya ketua kumpulan.


Upacara sembah guru bermula dengan majlis kenduri, seekor kambing akan disembelih untuk tujuan ini. kemudian barulah persembahan mekmulung diadakan. Kebiasaannya pada malam pertama, lakonan hanya diadakan sedikit sahaja. Lakonan ini disambung di malam berikutnya dan ditamatkan pada malam ketiga. Pada malam terakhir inilah segala ramuan untuk persembahan kepada kuasa ghaib disajikan dan terdapat pula ahli kumpulan yang 'melupa'. Ketika ini orang-orang sakit akan diusung masuk kedalam bangsal untuk berubat.



Persembahan Mekmulung

PELAKON MEKMULUNG

Raja atau Pak Mulung merupakan watak utama dalam persembahan mekmulung, ia dibantu oleh tiga orang iaitu peran tua, peran muda, peran kiau, seorang ahli nujum yang di panggil tok wak, seorang inang dan beberapa orang penari. Jumlah peran adakalanya lebih daripada tiga orang. Keadaan ini banyak bergantung kepada ahli-ahli kumpulan yang hendak pada satu-satu masa. Meskipun demikian, watak-watak peran tambahan hanya dikenali sebagai 'peran' sahaja tanpa apa-apa gelaran khusus. Kesemua pelakon adalah terdiri daripada lelaki.



Aksi peran dalam mekmulung

Mekmulung tidak menggunakan sebarang skrip. Cerita atau hikayat disimpan di dalam ingatan untuk dijadikan panduan dan pedoman semasa

membawakan sesuatu lakonan. Tidak ada seorang pengarah khas yang dilantik di dalam menjayakan persembahan mekmulung, namun masing-masing ahli sudah memahami akan tanggungjawab dan peranan masing-masing.

Bahasa dan pengucapan dalam persembahan mekmulung adalah Bahasa Melayu harian loghat Kedah serta diselang-seli dengan loghat Melayu Patani. Dialog dituturkan secara spontan dan biasanya watak peran akan menjadikan perkara-perkara yang berlaku pada setiap hari sebagai bahan untuk mencuit hati penonton.

BENTUK CERITA

Kebanyakan cerita yang terdapat dalam persembahan mekmulung adalah cerita-carita yang mereka anggap benar dan pernah terjadi pada zaman dahulu. Unsur jenaka mendapat tempat dalam lakonan mekmulung dan biasanya dibawa oleh watak peran. Para pelakon mengambil peristiwa seharian sebagai bahan jenaka. Walau bagaimanapun, keaslian jalan cerita tetap tidak dipesongkan.

Di antara cerita-cerita yang selalu dimainkan ialah:

- i. Lakon Afrit
- ii. Batak Putih
- iii. Cahaya Bulan
- iv. Malim Bongsu dan
- v. Dewa Muda

PAKAIAN

Para pelakon dan penari dalam persembahan mekmulung memakai pakaian tertentu. Raja atau Pak Mulung memakai sepasang baju melayu, bersamping

songket, sehelai tengkolok, sibai yang merupakan selampai penutup bahu dan dada, ikat bengkung serta sisipan sebilah keris di bahagian pinggang.

Para peran memakai pakaian biasa; sama ada sehelai kain pelekat dan ikat pinggang dengan baju 'singlet' ataupun berseluar dan berbaju biasa. Walau bagaimanapun mereka mesti mempunyai sehelai kain bulat pengikat pinggang dan memakai topeng. Topeng-topeng inilah yang membezakan watak dan peranan masing-masing.

Tok Wak pula biasanya memakai kain biasa disamping memakai topeng berwarna hitam. Sementara itu watak inang memakai kain bersama sehelai penutup kepala. Para penari pula memakai baju kebaya labuh persis pakaian seorang wanita.



Pak Mulung dan Peran

TARIAN

Tarian merupakan satu aspek penting dalam persembahan mekmulung, sepertimana juga dengan teater-teater tradisi yang lain. Tarian merupakan unsur penting kepada cerita-cerita dan persembahan mekmulung. penari-penari juga digunakan sebagai 'korus' terutama apabila berlakunya pertukaran adengan dalam cerita.

Apabila selesai sahaja lagu bertabik, persembahan tarian akan dimulakan dengan setiap langkah dan gerak geri akan diiringi oleh irama muzik. Terdapat tujuh jenis tarian dalam sesebuah persembahan mekmulung. Tarian-tarian tersebut ialah:

- i) Tarian Sembah
- ii) Tarian Gambang
- iii) Tarian Puteri Mabuk
- iv) Tarian Menora
- v) Tarian Sirama
- vi) Tarian Puteri Masuk Bilik Air
- vii) Tarian Sedayung

Tarian bermula ketika penari duduk di lantai dalam keadaan membuka sembah, kemudian berdiri dan terus melangkah membentuk sebuah bulatan. Tarian diakhiri dengan susunan sembah ketika duduk.



Penari duduk di lantai sebelum tarian dimulakan



Tarian membuka sembah



Pergerakan dalam bentuk bulatan

NYANYIAN

Selain daripada lakonan dan tarian, nyanyian juga nadi kepada persembahan mekmulung. Diantara lagu-lagu yang biasa didendangkan ialah:

- i) Timang Welo
- ii) Lagu Berjalan
- iii) Anak Udang
- iv) Raja Beradu

Adakalanya terdapat juga beberapa buah lagu popular rakyat seperti 'dondang sayang' yang didendangkan di mana ia merupakan suatu unsur baru yang dibawa masuk sebagai satu langkah untuk menarik perhatian penonton.

ALAT-ALAT MUZIK

Alat-alat muzik yang di gunakan dalam persembahan mekmulung terdiri daripada:

- i. Semborong - satu
- ii. Ibi Semborong - dua
- iii. Anak Semborong - satu
- iv. Gong - satu

- v. Serunai - satu
- vi. Cerek - dua hingga tiga pasang

Pada masa dahulu terdapat juga 'canang' dan 'kesi' dalam senarai alat-alat muzik mekmulung.



Pemain alat muzik dalam persembahan mekmulung



Kedudukan pemain alat muzik

SET DAN PROP

Persembahan mekmulung tidak menggunakan apa-apa set. Segala *setting* hanya dibina oleh para pelakon menurut imiginasi masing-masing. Sementara Prop yang digunakan adalah topeng untuk watak peran, golok(diperbuat daripada kayu), seikat rotan yang digelar 'rotan ke tujuh' dan sebatang kayu yang disebut tongkat wak.

PENUTUP

Kini permainan mekmulung hanya dipersembahkan dalam musim-musim tertentu sahaja, umpamanya di majlis-majlis keramaian.

Teater Mekmulung seakan-akan sama bentuknya dengan makyung dan menora. Walau bagaimanapun terdapat beberapa perbezaan kecil di antara teater-teater tersebut.

Menonton persembahan mekmulung tidak menimbulkan banyak masalah dalam memahami jalan ceritanya. Ini adalah disebabkan oleh gerak lakonannya yang bebas dan spontan serta banyak mengandungi unsur-unsur kehidupan harian masyarakat melayu.

Diterbitkan oleh:

Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan

Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan kesenian

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. 2003